Sari - International Journal of the Malay World and Civilisation 28(2) (2010): 259 - 277

Nama Orang Jawa: Kepelbagaian Unsur dan Maknanya

SAHID TEGUH WIDODO, NURAINI YUSSOF & HISHAM DZAKIRIA

ABSTRACT

Attempts to comprehend Javanese names can be conducted in many ways. One of the ways is viewing name as a language construction. Name is a compound form composed by the supporting elements. The elements are so inherently constructed that they build up the language structure of the name. The objective of this paper is to understand the variety of the elements of Javanese name. Name is a social product. It is originated from norms, social conventions, group spirits, myths, and cultural selections of the bearer and the maker of the names. Thus, the understanding on the variety of the elements of the Javanese names is very essential to appreciate the social condition from the name perspective.

Key words: Javanese name, language structure, norms, culutural selection

ABSTRAK

Percubaan untuk memahami nama-nama orang Jawa dapat dilakukan dalam pelbagai cara. Salah satu cara adalah melihat nama sebagai pembinaan bahasa. Nama adalah bentuk majmuk yang terdiri daripada unsur-unsur penyokong. Unsur-unsur tersebut dibentuk sebegitu rupa sehingga ia membentuk struktur bahasa nama tersebut. Objektif makalah ini adalah untuk memahami kepelbagaian unsur-unsur nama Jawa. Nama adalah satu hasil sosial. Ianya berpunca daripada norma, adat resam sosial, kemahuan kumpulan, mitos, dan pemilihan budaya yang empunya nama dan pereka nama tersebut. Oleh itu pemahaman tentang unsur-unsur nama Jawa yang pelbagai adalah penting untuk memahami keadaan sosial dari perspektif nama tersebut.

Kata kunci: Nama Jawa, struktur bahasa, norma, pemilihan budaya

PENGENALAN

Secara am nama orang difahami sebagai label, tanda, dan identiti seseorang yang membezakannya dengan orang lain (Hofman 1993) atau kelompok masyarakat tertentu (Lehrer 1999). Oleh itu, satu nama hanya

boleh mengacu seseorang sebagai satu individu sahaja, betapa pun dengan mudah ditemukan sesebuah nama digunakan untuk banyak orang.

Nama orang juga boleh dilihat sebagai produk sosial kerana setiap kelompok sosial berkemungkinan besar memiliki ciri-ciri nama yang berbeza sebagai hasil daripada perkembangan budaya yang berbeza. Jawa, sebagai sebuah pulau yang kaya akan keragaman tradisi budaya bangsa, tidak hairanlah sekiranya wujud begitu banyak bentuk dan makna nama. Namun demikian daripada perpektif sejarah, keragaman ini boleh dianalisis mengetahui kejatian bentuk yang mandiri dan utuh daripada nama tersebut.

Sehingga kini, penyelidikan tentang nama orang Jawa selalunya memandang daripada satu paradigma tunggal sahaja. Nama dilihat sebagai bentuk ujaran yang telah jadi sehingga dapat dipecah-pecah dan dipisah-pisahkan dalam peringkat fonologi, morfologi, mahupun sintaksis. Malah, daripada penyelidikan yang telah dilakukan menghasilkan senarai nama orang Jawa yang terpilih dan terbaik sahaja. Itulah sebabnya Hofmann (1993), Cavallaro (2004), dan bahkan Uhlenbeck (1982) sekalipun menyatakan bahawa kajian tentang nama orang Jawa sangat sempit, kering, dan kurang diminati. Nama orang Jawa seharusnya dilihat di dalam paradigma yang lebih lebar dan luas, mencakupi norma, tradisi, agama, sosial, sejarah, dan budaya masyarakat pemiliknya yang menjadi konteks daripada nama. Sebuah nama dibina dari unsur-unsur yang memiliki konteks yang berbeza-beza sehingga membentuk satu kesatuan makna. Selain proses penyusunan, pembongkaran, penyelarasan, dan penataan yang menjadi cakupan perbahasan perlu mendapat perhatian, permasalahan konteks pula memiliki *urgensi* yang sangat tinggi kerana turut menentukan bentuk dan makna sesebuah nama.

Nama orang Jawa berada di dalam peringkat teras norma, konvensyen tradisi, ikatan semangat, mitos, spirit, dan selera budaya Jawa. Ertinya, nama orang Jawa lahir sebagai penyataan cara-cara manusia melakukan dialog dengan alam semesta dan lingkungan sosialnya melalui bahasa, perilaku, dan idea-idea (Sutarja 2000) dari semasa ke semasa. Sumber-sumber nama orang Jawa berasal daripada kehidupan nyata masyarakat di Jawa. Penyataan ini bersifat terbuka terhadap berbagai-bagai bentuk interferensi, pertukaran (silang) budaya, yang mengarah pada bentuk-bentuk baharu yang boleh jadi berada di luar konvensyen kolektif sekalipun.

Lieberson (1982) menyatakan bahawa terdapat tiga perkara yang ikut mempengaruhi perwujudan bentuk nama, iaitu tingkat pengetahuan orang tua terhadap nama, status sosial, dan norma institusional, agama, dan dunia. Tampaknya penyataan Lieberson (1982) dan Uhlenbeck (1982)

berhubung kait dengan masalah status (kelas) sosial ini sensitif bagi mendapat koreksi kritis yang lebih tegas. Walaupun teori itu sangat rinci, mendalam, dan berbobot, namun harus diakui bahawa teori-teori itu tidak mudah dipertahankan secara diakronis. Berkembang pesatnya budaya popular yang ditandai oleh maraknya industri akbar, televisyen, dan teknologi media interaktif seperti internet juga sangat terasa di Jawa. Ianya menjadi faktor kuat yang mendorong semakin tipisnya jarak kota dan desa, berikut dengan aneka bentuk perubahan perilaku kolektif. Akibatnya, status sosial kian tersamar di dalam pelbagai aktiviti bandar yang semakin kosmopolitan dan heterogen.

Berdasarkan penyataan di atas, tulisan ini bermaksud untuk mengkaji kepelbagaian unsur nama orang Jawa, khasnya berhubungkait dengan bentuk dan maknanya. Tujuan utama daripada kajian ini selain hendak mengetahui pelbagai bentuk perilaku sintaktis dan semantik daripada unsur-unrur nama orang Jawa tersebut, juga berupaya mengungkap pola berfikir, pola harapan, keinginan, cita-cita, dan keadaan-keadaan yang lain di dalam konteks kajian nama. Selain itu, pemahaman akan kepelbagaian unsur nama orang Jawa diharapkan dapat memberikan sumbangan pengetahuan akan kedinamikan masyarakat Jawa dari semasa ke semasa.

METOD PENYELIDIKAN

Kajian berkaitan sistem nama orang Jawa ini memberi tumpuan kepada dua aspek: kedinamikan perkembangan bentuk nama dan struktur kebahasaan nama. Untuk memahami nama sebagai sebuah bentuk ujaran bahasa, perlu konteks manusia, masyarakat, dan budaya penggunaannya. Manakala, pemahaman konteks boleh dicapai dengan memahami ekspresi bahasa manusianya, baik sebagai individu mahupun secara kolektif (Sutopo 2002). Berhubung dengan perkara itu, memilih metod penyelidikan kualitatif adalah sangat tepat kerana metod ini dapat membantu memahami fenomena kajian ini secara mendalam dan terperinci, serta memberikan dapatan kajian yang kaya dan holistik (Merriam 1988) Keputusan metodologi ini berkait dengan sifat soalan yang sedang diselidiki (Marohaini Yusoff 2004), lingkungan kajian, sumber yang sedia ada, dan penyataan daripada penyelidik (Hisham Dzakiria 2004).

Penyelidikan ini dipengaruhi oleh pendekatan *grounded theory*. Annells (1997) menganggap *grounded theory* sebagai bentuk metodologi kualitatif yang paling komprehensif yang sedia ada. *Grounded theory* adalah salah satu daripada pelbagai bentuk metodologi kualitatif yang

memiliki bahasa dan aturan yang unik (Staruss & Crobin 2003). Straus dan Corbin menjelaskan bahawa *grounded theory* ialah:

> *"...one thing that is inductively derived from the study of the phenomenon it represent. It's discovered, developed, and provisionally verified through systematic data collection and analysis of data pertaining to the phenomenon (Straus & Corbin 2003: 23).*

Sumber data dalam penyelidikan ini boleh dikatakan sebagai *source of evidence*. Sumber data di dalam penyelidikan ini ialah informan, merupakan sumber bukti yang berjaya memberikan data verbal (Yin 1987) dapat diperoleh melalui cara temu bual. Selain daripada informan, dokumen nama-nama merupakan sumber bukti yang sangat penting, utama, dan strategis. Dalam konteks kajian ini sumber data dokumen merupakan rakaman dokumen, iaitu: senarai nama diri, manuskrip, prasasti, dan dokumen sejarah. Sumber data ketiga ialah peristiwa dan aktiviti, merupakan sumber data yang boleh diperoleh melalui cara-cara tertentu bagi mengungkap pelbagai maklumat, baik yang bersifat fizikal dan bukan fizikal. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan dengan tiga cara, iaitu: temu bual, analisis kandungan, dan pemerhatian langsung.

ANALISIS DATA

Teknik uji validiti data yang digunakan ialah triangulasi, iaitu triangulasi sumber (data), metod, dan teori (Patton 1985). Maxwell (1996) menyatakan, triangulasi sumber bererti pelbagai sumber dibandingkan untuk mendapat kebenaran. Triangulasi metod pada prinsipnya ialah strategi uji tingkat validiti berdasarkan perbandingan teknik pengumpulan data dan sumber data yang berbeza.

Teknik analisis data yang digunakan di dalam penyelidikan ini adalah teknik analisis interaktif. Cara kerja analisis kualitatif yang dilakukan melibatkan tiga alur kegiatan yang terjadi secara serentak, iaitu reduksi data, penyajian data, dan verifikasi (Miles & Huberman 1992). Data yang beragam dan banyak harus ditata secara baik dan teratur dengan sumber data yang lain. Tata kerjanya ialah dengan membuat klasifikasi setiap kelompok data sejenis ke dalam 'kotak data' masing-masing. Kemudian, perlu ditafsir atau dinilai skema kerja tersebut berdasarkan dapatan daripada proses temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen agar diperoleh gambaran yang jelas tentang keadaan semasa dan kecenderungan daripada data.

UNSUR NAMA ORANG JAWA: KATA DAN NAMA

Berdasarkan bentuk dan maknanya, satuan bunyi yang menempati sebagai unsur pada nama orang Jawa boleh dibezakan atas 'kata' dan 'nama'. Sesebuah nama berunsur 'kata' apabila unsur tersebut terdapat sebagai kosa kata di dalam tuturan dan gramatika bahasa Jawa. Nama *Sekar Jagad* adalah nama-nama yang memiliki unsur 'kata' kerana *sekar* 'bunga' dan *jagad* 'dunia' merupakan kata-kata bahasa Jawa. Berbeza dengan unsur nama-nama seperti *Edi, Ninik, Bambang, Tatik Pipit, Tutut, Ira,* dan *Nanang* yang tidak terdapat sebagai kosa kata di dalam sistem gramatika bahasa Jawa. Nama-nama itu khas bagi orang Jawa kerana bentuk fonisnya. Menurut Uhlenbeck (1982) unsur nama pada nama orang Jawa ini muncul melalui satu proses yang khas. Suranto (1983) menambahkan ehwal tersebut terjadi kerana mempertimbangkan pelbagai gejala dan makna di dalam dan di luar wilayah kebahasaan. Selain itu, juga hampir tanpa disertai alasan asas-asas morfologis atau kiasan sintaksis yang jelas. Ia hadir begitu saja, unik, dan spesifik sebagai nama (Sahid 2007). Berdasarkan pernyataan di atas, penting ertinya diketahui lebih dalam kepelbagaian unsur-unsur nama orang Jawa sebagai salah satu cara mengungkap dan memahami makna daripada nama orang Jawa, kekuatan masing-masing unsur ketika dicantumkan, dan berkait pula beraneka ehwal lain di luar wilayah kebahasaan.

KONSEP UNSUR DAN KOMPONEN

Sebuah nama boleh kita umpamakan sebagai satu gabungan yang tersusun daripada unsur-unsur. Tiap-tiap unsur wujud di dalam bentuknya yang tidak sama. Seringkali wujud dalam bentuk yang utuh. Berdasarkan wujud konstruksi bentuknya, unsur yang hadir dalam bentuk utuh boleh disebut sebagai **unsur dasar** (Parera 1994). Sedangkan unsur yang wujud dalam bentuk yang lebih panjang dan kompleks, berdasarkan wujud konstruksi bentuknya boleh disebut sebagai **unsur kompleks**. Pemberian istilah ini dianggap penting bagi mempermudah klasifikasi dan pengolahan data. Tentu, seseorang tidak boleh lepas daripada kemungkinan kesamaan istilah yang digunakan di dalam khasanah ilmu bahasa secara am.

Semisal, nama *Siti Nurhidayati* dan *Agus Wayudi* masing-masing tersusun daripada dua unsur pembentuknya, iaitu (1) unsur dasar *Siti* dan *Agus;* (2) unsur kompleks *Nurhidayati* (*Nur* 'cahaya' + *Hidaya*(*h*) 'hidayah' + *ti* (penanda jenis perempuan) dan *Wahyudi* (*Wahyu* 'wahyu'

+ *-di* (*Adi*) 'besar'). Unsur komplek adalah unsur nama yang tersusun daripada beberapa komponen-komponen pembentuknya melalui sebuah proses persenyawaan setakat membentuk wujud yang baharu, baik dipandang daripada segi bentuk mahupun sifat semantiknya (*lexical meaning*).

Setiap unsur nama tersusun atas komponen-komponen, iaitu bahagian-bahagian yang tersusun sedemikian rupa setakat membentuk sesebuah unsur. Menurut Sudaryanto (1990), unsur dasar –yang terdiri daripada satu morfem pokok atau *stem* sahaja– tersusun daripada satu **komponen tunggal**. Sedangkan unsur kompleks yang tersusun daripada beberapa komponen unsur (morfem), boleh disebut sebagai **komponen ganda**. Pengelompokan ini mempertimbangkan dua hal pokok, iaitu ciri bentuk dan ciri makna daripada objek unsur-unsur nama. Terkait dengan itu, Uhlenbeck (1982) mengajukan dua pertanyaan mendasar mengenai uji morfem ini. *Pertama,* apakah morfem dasar yang kita anggap polimorfemis, terjadi sebagai kata yang terpisah? *Kedua,* apakah morfem yang demikian itu juga terdapat dalam kata lain yang dapat diperbandingkan? Jika terjadi korelasi antara ciri bentuk dan ciri makna sebagai hasil ujinya, maka analisis semacam itu boleh dijamin kebenarannya.

Pada nama *Paksi Widya Sucipto* 'laki-laki laksana burung anugerah ciptaan (Tuhan) terbaik', berdasarkan struktur morfemisnya, terdiri atas tiga unsur pembentuk, iaitu *Paksi* 'burung', *Widya* 'pengetahuan atau keijaksanaan', dan *Sucipto* 'ciptaan yang baik'. Unsur *Paksi* dan *Widya* masing-masing merupakan komponen tunggal, merupakan 'morfem bebas' dan oleh kerana ianya dapat berdiri sendiri, baik secara bentuk maupun makna (Bloomfield 1957). Sedangkan *Sucipto* boleh disebut unsur nama berkomponen ganda, kerana disusun atas dua komponen sebagai hasil huraiannya, iaitu *Su* + *cipto*. Kedua-dua komponen itu merupakan morfem kerana masing-masing memiliki makna (bandingkan Hockett 1958). Namun demikian, setiap satunya memiliki perbezaan ciri-ciri baik secara bentuk mahupun makna.

KEPELBAGAIAN UNSUR NAMA ORANG JAWA

Perbincangan mengenai konsep unsur dan komponen di atas menunjukkan secara jelas, bahawa pada nama orang Jawa didapati beberapa varian sebagai keragaman unsur nama dalam lingkungan budaya Jawa. Kepelbagaian unsur nama orang Jawa ini perlu untuk dicermati lebih

dalam untuk melihat pandangan, sikap hidup, harapan, keinginan, cita-cita, dan seterusnya memahami 'dunia' orang Jawa yang tercermin di dalam nama-nama yang disandangnya. Berdasarkan klasifikasi dan analisis data yang dilakukan, didapati adanya unsur nama berlandaskan agama, alam sekitar, flora dan fauna, perkara yang ghaib, perwayangan, disamping unsur-unsur lain yang memaparkan pelbagai harapan.

UNSUR NAMA BERDASARKAN AGAMA

Maksud daripada unsur nama agama adalah hadirnya nama-nama tertentu yang memiliki asosiasi agama. Bagi penganut agama Islam (*moslem*) di Jawa, unsur nama yang sering diamalkan adalah nama *Rasulullah Muhammad* (*Muhamad*, *Moch*., *Muh*., *Akhmad*, *Ahmad*, *Amat*, dan *Mamad)*. Menurut Al-Mutawakkil (1989) orang-orang beragama Islam selalu berusaha memberikan nama kepada anak, saudara, atau kerabat lain dengan nama-nama yang mengasosiasikan perkara kebajikan, kedamaian, keindahan, dan bukan sebuah peperangan (*Harb*). Beberapa sumber nama-nama *Moslem* antara lain adalah seperti di Jadual 1.

Satu hal yang menarik adalah adanya penyesuaian atau pengadaptasian nama-nama Arab ke dalam sistem pelafalan Jawa. Misalnya, As'ad à *Asngad*, Arrahman à *Rohman*, Khosim à *Hasim*. Namun didapati wujud nama-nama baharu yang berasal daripada keluarga *pesantren* (berlatar belakang pendidikan Islam) kelihatan penulisan tersebut hampir sama dengan penulisan pelatinan bahasa Arab.

Jadual 1. Unsur nama agama Islam

	Sumber unsur	Contoh penggunaannya pada nama
1.	Nama lain dari Allah SWT (*Asma'ul-Husna*)	*Nur Rohman, Abdul Malik, Gofur*
2.	Nama-nama para Nabi	*Soleh Idris, Ismail, Yusuf Mustofa*
3.	Sahabat kesayangan Nabi (*Khulafa'urrasyidin*)	*Abu Bakar, Umar, Usman, Ali*
4.	Sepuluh orang yang dijamin masuk surga	*Naufal, Amir, Saad, Abdurahman*
5.	Istri-istri Nabi	*Khotijah, Saudah, Aisyah, Sofiah*
6.	Putra-putri Rasulullah	*Hasim, Ibrahim, Kolsum, Fatimah*
7.	Nama-nama lain yang mengasosiasikan kebajikan, kemuliaan, kesucian	*Anwar abdul ghoni, Amin, Asngad*

Sebagaimana masyarakat Islam di Jawa, ramai orang penganut agama Kristian dan Katolik juga menggunakan nama *Baptis* atau nama-nama tokoh agama yang dianggap suci (*Agustinus, Ignatius, Fransiscus Xaverius, Bertolomeus, Hribertus, Caecilia, Maria, Theresia, Vincentius, Antonius, Aloysius*). Bezanya, tidak terdapat 'proses pen-Jawa-an' pada nama-nama Baptis/Santo kerana selalu ditulis dengan utuh sesuai dengan ejaan bahasa sumbernya.

UNSUR NAMA BERDASARKAN ALAM

Alam merupakan sumber yang potensial sebagai sumber unsur penamaan. Perkara ini mudah untuk dimengerti dengan teori Sutarja (2000) tentang hubungan dialektis antara manusia dan alam raya. Dalam budaya Indian (lama), seorang anak yang baru lahir diberi nama berdasarkan gejala alam yang terjadi waktu itu. Jika pada saat lahir terdengar bunyi Srigala menggonggong, maka ia akan diberinama *Srigala Menggonggong* dan bentuk lain sejenis (Radjiman 1986). Di Afrika, kebergantungan manusia dengan alam juga muncul daripada nama-nama orang seperti *Ugwu* 'bukit', *Mmiri* 'air', dan *Oku* 'api' (Collier & Bricker 1970). Pemakaian nama-nama tempat sebagai nama orang juga menunjukkan sifat kekekalan hubungan manusia dengan alam di hampir semua budaya di dunia.

Perkara yang sama juga terjadi dalam budaya Jawa. Nama-nama yang muncul yang mengasosiasikan makna kealaman ini telah terjadi sejak berabad-abad yang lalu. Pada zaman keemasan kerajaan Hindu Jawa (abad 9-11 Masihi), telah muncul nama-nama seperti *Tuban, Gresik, Ujung Galuh,* dan *Waringin Sapta* sebagai nama orang (Poerbatjaraka 1952). Era zaman kerajaan Kediri (± 1042 – 1222) juga ramai digunakan gelar *panji* dengan menggunakan nama-nama binatang suci seperti Gajah, Lembu, dan Kuda. Perihal ini menunjukkan hubungan erat antara manusia dan alam sekitarnya.

Unsur alam yang popular digunakan sebagai sumber penamaan pada nama-nama Jawa antara lain adalah seperti pada Jadual 2.

Berdasarkan data pada Jadual 2, asas yang berlaku adalah pemberlakuan *dasanama*. *Dasanama* dalam gramatika moden sering disebut *sinonim*, iaitu bentuk bahasa yang maknanya sama dengan bentuk lain (Kridalaksana 1984). Contoh, kata *Agni* 'api' (Sanskrit) memiliki *dasanama* (sinonim) dengan *Latu* (dalam tataran krama), *Dahana*, *Brama*, *Guna*, *Puja*, *Anala*, *Pawaka*, dan *Apju*. Namun tiga sinonim

Jadual 2. Alam sebagai unsur nama

No	Kategori unsur	Contoh penggunaannya pada nama
1.	Bumi	***Bantolo***, ***Siti*** *Maizaroh,* ***Bumi***, ***Buwono***, *Rahajeng Putri Pertiwi, Sitta Devi Putri*
2.	Air	*Tunjung Wahadi Su****tirto***, ***Warih*** *Padmantyo,* ***Tirto*** *Wiguno, Mayekti* ***Luh*** *Kinasih, Su****mani***,
3.	Api	*Haruni* ***Agni*** *Cahyani, Januar* ***Latu*** *Pinilih, Anindita* ***Dahana*** *Putra*, *Kikis* ***Brama*** *Murti*, *Satya* ***Guna*** *Hurip*, ***Puja*** *Setyawan* anala, pawaka, Apju
4.	Udara (angin)	*Siti* ***Hawa***, ***Bayu*** *Indrayanto,* ***Bayu*** *Setiaji,*
5.	Langit	***Suryo*** *Wicaksono, Ayu* ***Lintang*** *Timoer,* ***Candra****rini, Joko* ***Purnomo***, *Ichwan* ***Daru****aji ,* ***Kundaru*** *Prasetyo, Kondang Putra Dirgantara*
6.	Gunung	*Agung* ***Gunung*** *Prakosa, Much.* ***Ardhi*** *Nugroho, Argo Selo Putro*
7.	Batu Permata	***Kertika***, ***Intan***, ***Berlian***, *Hoeney* ***Permata****sari, Anting* ***Manikam***
8.	Logam Mulia	*Valentine* ***Platina*** *Mukti,*
9.	Cahaya	*Cahya Sumunar, Bagua Dipo Buwana*

terakhir tidak didapati sebagai unsur dalam nama orang Jawa. *Guna* selain bermakna 'api' juga sering bermaksud 'manfaat', setakat pada nama *Sugina* dan *Wiguna* kedua-duanya bermakna 'bermanfaat baik' bagi dirinya dan orang lain. Sebuah catatan penulis dalam kajian ini yang cukup mencabar adalah sebahagian besar unsur nama alam mengamalkan bahasa Sansekerta atau setidaknya bahasa Jawa kuno.

UNSUR NAMA BERDASARKAN FLORA DAN FAUNA

Kategori flora 'tumbuhan' dan fauna 'haiwan' pada nama orang Jawa merupakan dua kategori yang sangat popular, utamanya untuk bunga dan binatang yang dianggap suci, indah, dan kuat. Hassal (1967) menyatakan bahawa sejak zaman dahulu bunga selalu dikaitkan dengan keharuman, kecantikan, keindahan, kebesaran, dan keluhuran objek yang menyandangnya. Selain itu, kekuatan, kegagahan, dan kewibawaan juga diasosiasikan oleh simbol binatang suci (Lehrer 1999). Pada dasarnya, kedua-dua kategori ini merupakan wujud kebenaran adanya motivasi terhadap sesuatu yang dipandang 'baik', setakat wajar jika manusia berusaha untuk mencari simbol-simbol yang dapat menyampaikan idea

dan fikirannya, melalui bahasa sebagai medianya. Berikut ini analisis yang lebih khas bersabit dengan nama dalam kataegori berunsur flora dan fauna.

Unsur flora (tanaman)

Kategori flora dapat dibezakan menjadi beberapa kategori, iaitu: (a) tanaman hias, (b) bambu, dan (c) tanaman keras (Jadual 3). Penggunaan nama-nama tumbuhan untuk nama orang tidak sahaja mencari padanannya dalam bahasa Jawa, namun seringkali dicarikan padanan bahasa Latinnya, misalnya jenis padi (*Orisa Sativa*).

Jadual 3. Tumbuhan sebagai unsur nama

No	Kategori unsur		Contoh penggunaannya pada nama
1.	Tanaman Hias	Kusuma	*Kusuma Tanoyo, Kusuma Hapsari, Nindyo Kusuma*
		Widuri	*Nisrina Dhiya Rosyada Widuri*
		Tunjung	*Tunjung Wahadi Sutirto, Tunjung Sri Wisnu*
		Melati	*Dewi Melati Suksma,*
		Mawar	*Mawar Ayu Mudhingsari*
		Wijaya	*Wijaya Santosa, Eric Wijaya Hartono*
		Menur	*Anggraini Menur Aninditya,*
		Mayang	*Mayang Fristamega Audia*
		Cempaka	*Cempaka Nur Indahsari*
		Sekar	*Sekar Adita, Wenny Sekar Jagad*
		Puspita	*Sri Puspita Dyah Pitaloka,*
		Sari	*Sari Pamungkas*
		Padma	*Dyah Padmaningsih*
2.	Bambu	Ori	*Teguh Ori Wahyono,*
		Petung	*Galih Ardian Petung Aji,*
		Pethuk	*Pethuk Anggono Dwipa*
3.	Tanaman Keras	Jati	*Jati Waluyo, Eka Jati Winingsih*

UNSUR FAUNA

Unsur nama orang Jawa yang mengambil daripada nama-nama binatang sesungguhnya telah dimulakan sejak zaman dahulu kala. Padmasusastra (1912) dalam *Serat Pati Basa* mengumpulkan adanya 33 nama orang yang berunsur nama haiwan yang digunakan sebagai nama tokoh (raja, bangsawan) masa dulu. Contohnya, *Matswapati* 'rajanya ikan', *Basudewa* 'tokek yang sakti', *Hayamwuruk* 'ayam jantan yang sakti',

Kebokanigara 'pujaan haiwan betina', *Sawunggaling* 'ayam jantan emas', dll.

Jelas bahawa perkara ini tidak lepas daripada adanya pengaruh Hindu di dalam budaya Jawa, setakat mengenal adanya *figure* binatang yang dianggap suci. Dugaan kedua, bahawa binatang-binatang tertentu itu memiliki kekuatan dan pengaruh yang besar, setakat menjadi simbol kekuatan. Selain ke-33 nama tersebut di atas, berikut ini beberapa tambahan nama yang berunsur nama binatang, khsususnya pada zaman kerajaan Singasari dan Majapahit (abad 12-14 M), iaitu seperti berikut:

Kebo Ijo	: Kerbau berwarna hijau
Kebo Anabrang	: Kerbau yang sedang marah
Gajah Seta	: Gajah Putih
Bajul Sengara	: anak buaya yang dilaknat

Pada perkembangannya, walaupun sehingga kini ramai orang menggunakan nama binatang sebagai unsur nama orang, namun telah mengalami perubahan bentuk dan perkembangan objek. Perubahan bentuk yang dimaksudkan adalah bahawa bentuk-bentuk lama yang utuh jarang sekali digunakan. Sedangkan yang dimaksud dengan perkembangan objek ialah bahawa objek binatang yang digunakan telah berkembang ke jenis binatang yang lain misalnya *Trie* ***Andhini,*** *Eka* ***Paksi*** *Mahardika*, ***Elang*** *Jalu Sawiji,* ***Nila*** *Sitta Dewi*, dan *Arkhi* ***Garuda*** *Samudra*. Penulis menemukan sebuah nama iaitu *Trucuk* (bukan nama samaran). Perkara ini menjadi menarik, kerana Trucuk hanyalah burung kecil pemakan buah-buahan dan tidak memiliki kicau semerdu burung kicauan lain.

UNSUR NAMA DARIPADA PEWAYANGAN

Satu lagi sumber yang popular sebagai nama orang dalam masyarakat Jawa adalah sumber perwayangan. Wayang dalam masyarakat Jawa hingga masa kini masih dianggap merupakan tontonan yang bercerita tentang petunjuk yang lengkap dan berguna di dalam kehidupan. Dikotomi multi-aspek yang terwakili oleh tokoh baik (Pandawa) dan buruk (Korawa), menyajikan pelbagai ajaran yang lekat dengan kehidupan orang Jawa. Di Bandar Surakarta terutamanya, wayang merupakan kesenian yang berpotensi sebagai media hiburan, kritik sosial, dan ajaran.

Unsur dewa (nama laki-laki/perempuan) (Jadual 4).

Jadual 4. Dewa-dewa sebagai unsur nama

No	Nama Dewa	Glos	Contoh Penggunaannya pada Nama
1.	*Brahma*	'dewa brahma'	*Nanda Brahmaji*
2.	*Wisnu*	'dewa wisnu'	*Wisnu Wardhana*
3.	*Hendra*	'dewa hendra'	*Waridi Hendra Saputro, Hendriningsih*
4.	*Bayu*	'dewa angin'	*Bayu Cahyanto*
5.	*Surya*	'dewa matahari'	*Surya Sumpeno*
6.	*Basuki*	'dewa keselamatan'	*Sis Wahono Basuki*
7.	*Kumajaya*	'dewa	*Kumajaya*
8.	*Baruna*	'dewa angin'	*Guntur Baruna, Barunawati Laksmi*
9.	*Ismaya*		*Ismayawati Chriatiani putri*
10.	*Indra*	'dewa indra'	*Indra Lesmana, Indrayati Maisaroh*

Unsur ksatria khas nama lelaki (Jadual 5).

Jadual 5. Ksatria sebagai unsur nama

No	Nama ksatria	Glos	Contoh penggunaannya pada nama
1.	*Yudhistira*	'ksatria Pandawa'	*Yudhistira*
2.	*Bima*	'ksatria Pandawa'	*Bima Putranto*
3.	*Sena*	'gajah, kuat, nama lain Bima'	*Suseno, Sena Satriatama, Warsena, Senawati Malik*
4.	*Harjuna*	'Harjuna'	*Sri Harjuna*
5.	*Surya Putra*	'Adipati Karna'	*Danang Surya Putra*
6.	*Rukmarata*	'Anak Salya'	*Dian Rukmarata Subrata*
7.	*Basudewa*	'Raja Mandura, anak Kunthiboja'	*Andang Sri Basudewa*
8.	*Setyaki*	'anaknya Ugrasena'	*Arya Setyaki*
9.	*Lesmana*	'anak sulung Prabu Duryudana'	*Nada Lesmana, Indra Lesmana*
10.	*Onkowijoyo*	'anak harjuna dari permaisuri'	*Bambang Ongko Wijaya*
11.	*Wisanggeni*	'Anak Harjuna'	*Dimas Adhi Wisanggeni*
12.	*Irawan*	'anak Harjuna'	*Bambang Irawan*
13.	*Permadi*	'Harjuna'	*Permadi, Permadi Jalu Jawi*
14.	*Pandu Dewanata*	'raja Hastina'	*Pandu Bagus Dewanata*
15.	*(H)Indrajit*	'anak sulung Rahwana'	*Tejonoto Hendrajit*

Dewi-dewi sebagai unsur nama perempuan (Jadual 6).

Jadual 6. Dewi-dewi sebagai unsur nama

No	Nama ksatria	Glos	Contoh penggunaannya pada nama
1.	*Utari Dewi*	'istri Ongkowijoyo'	*Dewi Utari, Sri Utari Putri*
2.	*Laksmi*	'istri Kresna'	*Dian Laksmi Puspitasari*
3.	*Rukmini*	'Istri Kresna'	*Dewi Rukmini, Rukmini, Kasijati Rukmini*
4.	*(H)Anjani*	'Ibu Anoman'	*Anastasya Intan Anjani*

Unsur nama berdasarkan alam ghaib

R.M.Ng. Wirjakusuma (tt) dalam *Serat Widyakirana* menyatakan adanya empat kategori ghaib yang sering digunakan sebagai nama orang di tanah Jawa dengan deskripsi sebagai berikut.

1. *Pulung*, unsur ini dipercaya akan membawa daya kehidupan, mampu memimpin bangsa, tajam dalam segala cipta, dan kasih sayang terhadap semua makhluk (*Iwan Pulunggana, Pulungagni Bidari Dewi*)
2. *Wahyu*, unsur ini dipercaya kelak jiwanya akan dituntun oleh sifat dan sikap yang luhur, iaitu *Rila* 'rela', *Legawa* 'iklas', *Temen* 'rajin', dan *Narima* 'menerima' (*Wahyu Hanggono, Wahyu Susilo,* Wahyuningsih)
3. Andaru, unsur ini dipercaya akan membawa si penyangdang menjadi orang yang kaya raya (*Ndaru Nur Wicaksono, Kundaru, Sundaru*)
4. Guntur, unsur ini dipercaya akan memberi daya kehidupan (*Guntur Pradana*, *Guntur Tri Sila Hutama*).

Unsur nama berdasarkan pelbagai entiti

Entiti yang dimaksud pada bahagian ini adalah pelbagai wujudnya harapan dan keinginan (motivasi) pihak pemberi nama. Daripada klasifikasi unsure nama orang Jawa berdasarkan entiti diperoleh sesebuah dapatan yang menunjukkan adanya kepelbagaian bentuk dan makna. Jadual data, iaitu kekuatan, keberanian, kepandaian, kebahagiaan, keberuntungan, kecantikan, ketampanan, dan kekayaan. Jadual 7 menunjukkan contoh kepelbagaian bentuk entiti serta contoh penggunaannya pada nama orang Jawa.

Jadual 7. Pelbagai entiti sebagai unsur nama

Unsur Harapan	Kata	Glos	Contoh Penggunaannya pada Nama
1. Kekuatan	Kuat	'kuat'	*Kuat Kariyadi*
	Prakosa	'perkasa'	*Prakosa,*
	Teguh	'teguh'	*Teguh Santosa*
	Santosa	'sentausa'	*Joko Santosa*
2. Keberanian	Prawiro	'perwira'	*Prawiro Hadi Nugroho*
	Tatag	'tabah'	*Tatag Samekto*
	Satriya	'ksatria'	*Satriya*
3. Kepandaian	Wasis	'pandai'	*Wasis Tri Prakosa*
	Widya		Ama Widya Ningrum
	Berliandi	'cemerlang'	Berliandi Mutu Manikam
4. Kebahagiaan	Bagiya	'bahagia'	*Subagya,*
	Suka	'suka, bahagia'	*Moh. Suka Basuki,*
	Happy	'bahagia'	*Cindy Happy Aurawatie*
	Ria	'senang, bahagia'	*Vikky Ria Risty*
5. Untung dan Selamat	Bejo	'beruntung'	*Bejo Riyanto, Bejo Dasuki*
	Basuki	'selamat'	*Asih Kurnia Basuki*
	Widodo	'selamat'	*Widodo Trisna Hadi,*
	Slamet	'selamat'	*Slamet Mulyana*
	Sugeng	'selamat, hidup'	*Sugeng Suhartanto*
6. Kecantikan	Ayu	'cantik'	Milla Ayu Kartika Dewi
	Endah	'indah'	Endah Lestari, Sri Endah,
	Manis	'manis'	Nurelily Manis
7. Kekayaan & Darjat Sosial	Harta	'kekayaan'	*Arif Hartarta*
	Darma	'kebajikan'	*Darma Budya Sinunggraha*
	Bandoro	'tuan'	*Bandoro Ardhi Sulistyo*
	Gusti	'raja'	*Anggitasari Gustiningsih*

Unsur nama berdasarkan urutan (nombor)

Nama orang yang masuk dalam katagori numeralia diamalkan bagi menunjukkan urutan (nombor) kelahiran anak. Numeralia dalam sistem nama orang Jawa tidak sahaja menggunakan kosa kata bahasa Jawa kuno, namun juga menggunakan kosa kata bahasa Inggeris, atau kosa kata dalam ilmu-ilmu eksakta bergantung daripada fihak 'penguasa pemberi nama' (orang tua). Dengan kata lain, pengamalan kata katagori numeralia berhubung kait dengan jenis pekerjaan orang tua atau pihak pemberi nama. Contoh nama orang Jawa dalam katagori numeralia tersebut adalah seperti pada Jadual 8.

Jadual 8. Nama diri berkategori kata bilangan (numeralia)

No	Kata	Glos	Contoh Penggunaannya pada Nama
1.	Eka, eko	'satu'	*Eka Cahyo Sasaongko*
2.	Dwi	'dua'	*Dwi Susanti*
3.	Tri	'tiga'	*Hernawati Tri Hastuti*
4.	Catur	'empat'	*Catur Rini Hapsari*
5.	Panca	'lima'	*Panca Bayu Rahadyan*
6.	Sad	'enam'	*Sadmoko*
7.	Sapta	'tuju'	*Sapta Husada Widodo*

Nama orang yang menggunakan urutan hitungan dalam bahasa Inggeris adalah seperti pada Jadual 9.

Jadual 9. Nama diri berunsur numeralia dalam bahasa Inggeris

No	Kata	Glos	Contoh Penggunaannya pada Nama
1.	*One*	'satu'	*Mul**one**wanto Singgih Raharjo*
2.	*Two*	'dua'	***Two**tuk Sri Kunarsih*
3.	*Three*	'tiga'	*Ison **Three**setyanto*
4.	*Four*	'empat'	***Four**entina Intan Hapsari*
5.	*Five*	'lima'	*Edwin **Five** Wijanarko*
6.	*Six*	'enam'	*Edy **Six**tiyanto*
7.	*Seven*	'tujuh'	*Heru Seven Susanto*

Sedangkan nama orang yang mengamalkan bentuk lain adalah seperti pada Jadual 10.

JADUAL 10. Nama diri berunsur numeralia 'lain'

No	Kata	Glos	Contoh Penggunaannya pada Nama
1.	Tunggal	'satu'	*Guntur Tunggal Aji*
2.	Perdana	'pertama'	*Aziz Okta Perdana*
3.	Ganda	'dua'	*Ganda Pramudiyanta*
4.	Bie	'dua, ganda'	*Bie Arfial Rosyid*
5.	Pindho	'dua kali'	*Aprilian Pindo Mustika*
6.	Trio	'tiga'	*Trio Ivomia*

Unsur nama berdasarkan situasi tertentu

Maksud daripada kategori situasi tertentu ialah merujuk daripada berbagai-bagai keadaan, situasi, peristiwa, dan kejadian yang terabadikan dalam nama. Matlamat pemberian nama ini adalah sebagai *pepenget* 'pengingat'

bagi penyandang nama (anak) dan orang tua akan situasi tertentu yang dipandang berharga bagi proses kehidupan peribadi mahupun keluarga (Jadual 11).

Jadual 11. Nama berunsur situasi teretentu

No	Kata	Glos	Contoh Penggunaannya pada Nama
1.	Geger	'kacau'	*Geger Sugimin*
2.	Kisroh	'ricuh'	*Heru Sukisroh*
3.	Minta	'meminta'	*Darsono Minta Basuki, Paminta Legowo*
4.	Muji	'memuji'	*Pamuji Wiyono, Muji Sutrisno, Muji Rahayu*
5.	Nawang	'memandang'	*Retno Nawangsari, Nawang Tri Sukesi*
6.	Ambara	'mengembara'	*Enik Ambarawati, Bagus Ambara,*
7.	Cipta	'mencipta'	*Apriesta Cipta Lestari, Anggit Cipta Basuki*
8.	Mangku	'memangku'	*Mas Mangku Dilogo, Sarwono Mangkukarsa*
9.	Budi	'mencari', 'mencari jalan'	*Bambang Budi Hartono, Setya Budi, Budi Santosa, Budi Waluyo*
10.	Mardika	'merdeka'	*Joko Mardika, Nining Mardikawati*

Yang menarik daripada Jadual 11 adalah bahawa sebahagian besar data kata tersebut adalah verba di dalam sistem gramatika bahasa Jawa. Sependapat dengan Sudaryanto (1990), penentuan unsur nama yang masuk kategori verba digunakan empat alat pengujinya, iaitu:

(1) boleh diikuti oleh kata *lagi* (sedang)
(2) boleh untuk menjawab pertanyaan *Ngapa*? 'mengapa' atau *lagi apa*? 'sedang apa?'
(3) boleh diikuti maklmumat yang menyatakan cara-cara melakukan tindakan, dan
(4) memungkinkan munculnya konstituen lain yang memiliki tingkatan sama secara sintaksis.

Aneka macam unsur nama-nama dasar tersebut, pada dasarnya disertai dengan makna leksikalnya. Makna leksikal sulit sekali diterapkan dalam kerangka pemaknaan sebuah nama apabila dihubungkan dengan referennya, maka sama sekali tidak terdapat persesuaian, walaupun pernyataan ini tidak berlaku mutlak.

RUMUSAN

Berdasarkan perbincangan mengenai kepelbagaian unsur dan makna nama orang Jawa, konsep-konsep yang berhubungkait, dan sokongan

data di lapangan boleh dirumuskan bahawa unsur nama orang Jawa terbahagi ke dalam lapan kategori, iaitu: Kategori unsur keagamaan, unsur-unsur alam, unsur flora dan fauna, unsur pewayangan, unsur ghaib, unsur entiti tertentu, unsur urutan (nombor), dan unsur situasi tertentu. Kelapan-lapan kategori ini masih dapat dibahagi ke dalam kategori yang menjadi bawahannya.

Didapati juga kepelbagaian unsur-unsur nama orang Jawa tidak sahaja hadir dalam bentuk yang utuh, namun seringkali hadir dalam beberapa bentuk yang lain, iaitu:

a. Hadir dalam bentuk yang tetap atau utuh (*Nur, Budlaini, Dwi, Ayu, Drajat*)
b. Hadir bercantum dengan unsur (morfem) lain.
   1). bercantum dengan unsur (morfem) tidak mandiri yang lain
      Budiman – *Budi* + *man*
      Janyanti – Jaya + (n)ti
      Darmaji – Darma + aji
   2). bercantum dengan unsur (morfem) mandiri yang lain
      Agitha Desi Puspita
      Anindya Dyah Sawitri
      Bagas Ichsan Dwiki Putra
      Brilyan Gusmi Narendra Wikrama
c. Hadir dalam bentuk yang telah dimodifikasi.
      Rohman ➔ *Rochmann*
      Riski ➔ *Ryzkie*
      Titi ➔ *Astitie*

Kepelbagaian unsur nama orang Jawa tersebut juga menunjukkan adanya keragaman tradisi budaya yang terbalut di dalam sejarah budaya yang sangat panjang. Pada perkembangannya, nama tidak lagi menjadi identiti bagi penyandangnya, namun menjadi perwujudan sikap hidup dan selera budaya masyarakat yang sentiasa tumbuh dan berkembang selari dengan perkembangan zaman. Selain itu, pemahaman akan kepelbagaian unsur nama ini boleh menyokong satu pemahaman akan adanya sistem nama orang Jawa.

RUJUKAN

Al-Mutawakkil, K.A.Q. 1989. *Ama' muhtarah Lithiflik*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.

Annells, M. 1997. Grounded theory method: Part 1. Within the five moments of qualitative research. *Nursing Inquiry* 4: 120-129.

Bloomfiels, L. 1957. *Language.* New York: Henry Holt.

Cavallaro, D. 2004. *Teori kritis dan teori budaya.* Yogyakarta: Niagara.

Collier, G.A. & Bricker, V.R. 1970. Nicknames and social structure in Zinacantan. *American Anthropologist* 72: 289-302. Free Press: New York.

Hassal, W.O. 1967. *History through surnames*. New York: Longman.

Hisham, D. 2004. *The teacher is always there, but isn't. Distance learners' experiences & perspectives on distance learning at Universiti Utara Malaysia.* Norwich: University East Anglia.

Hockett, C. 1958. *A course in moderen linguistics. New York: The Macmillan Company.*

Hofmann, Th.R. 1993. *Realms of meaning*. New York: Longman Publishing.

Kridalaksana, H. 1984. *Kamus linguistik*. Jakarta: Gramedia.

Lehrer, A. 1999. *Proper name: linguistic aspect*. Oxford: Elsevier.

Lieberson, S. 1982. *A matter of taste: How names, fashions, and culture change*. George Washington University: Gale Group.

Marohaini, Y. 2004. *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Maxwell, J.A. 1996. *Qualitative research design: An interactive approach*. USA: Sage publications.

Merriam, S.B. 1988. *Case study research in education: A qualitative approach*. California: Newbury Park, California: Josey-Bass Inc.

Miles, M., & Huberman, A. 1992. *Qualitative data analysis. An extended sourcebook.* (2nd Ed. London: SAGE Publications.

Padmasusastra, Ki. 1912. *Serat Patibasa*. Surakarta: Perpustakaan Reksapustaka Mangkunegaran.

Parera, J. D. 1994. *Morfologi bahasa*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Patton, M. Q. 1985. *Quality in qualitative research: Methodological principles and recent development*. Chicago: American Educational Research Association, IL.

Poerbatjaraka. 1952. *Kepustakaan Djawa*. Jakarta: Djambatan.

Radjiman. 1986. *Sejarah Surakarta tinjauan sejarah politik dan sosial*. Surakarta: Krida Aksara.

Strauss, A. & Corbin, J. 2003. *Dasar-dasar penelitian kualitatif.* Jakarta: Pustaka Pelajar.

Sudaryanto. 1990. *Aneka konsep kedataaan lingual dalam linguistik*. Yogyakarta: Duta Wacana University Press.

Suranto, A. 1983. *Studi tentang sistem nama-nama Jawa*. Surakarta: Fakultas Sastra UNS.

Sutarja, I. 2000. Berpikir untuk berbuat: Dimanakah posisi anda dalam perjalanan sejarah. *Majalah Haluan Sastra Budaya* No. 42 Thn. XIX. Hlm. 133.

Sutopo, H.B. 2002. *Metodologi penelitian: Dasar teori dan terapannya dalam penelitian.* Surakarta: Sebelas Maret University Press.

Uhlenbeck, E.M. 1982. *Kajian morfologi bahasa Jawa*. Jakarta: Djambatan.

Yin, R.K. 1987. *Case study research: Design and methods*. Beverly Hills, CA: Sage Publications.

Sahid Teguh Widodo
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia
06010. Sintok, Kedah Darul Aman, MALAYSIA.
E-Mail: sahidteguhwidodo@yahoo.com

Nuraini Yusoff, Ph.D.
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia
06010. Sintok. Kedah Darul Aman, MALAYSIA.
E-Mail: nuraini@uum.edu.my

Hisham Dzakiria, Ph.D.
Kolej Sastera dan Sains,
Universiti Utara Malaysia.
06010. Sintok. Kedah Darul Aman, MALAYSIA.
E-Mail: hisham@uum.edu.my